

■ *Panduan 2.1*

Cara Pemikiran Anda

“Pemikiran itu seperti perut. Apa yang penting adalah apa yang dicernakan bukannya berapa banyak yang dimasukkan.”

A.J Nock

Panduan Penting :



- ▶ Penganalisaan tulisan mengenal pasti empat kategori cara pemikiran seseorang iaitu pemikiran kumulatif, pemikiran menyelidik secara mendalam, pemikiran menyelidik secara luaran, dan pemikiran secara menyeluruh
- ▶ Bentuk bonggol m dan n menunjukkan kelajuan pemikiran seseorang bukannya menunjukkan kualiti dan kebolehan seseorang berfikir dengan bijak
- ▶ Tidak ada satu pun cara pemikiran yang tidak baik di antara keempat-empat cara pemikiran

Untuk mencapai sesuatu impian seperti berjaya dalam peperiksaan kita mesti terlebih dahulu memahami cara kita berfikir dan mengetahui kebolehan ingatan dan tabiat pembelajaran kita.

Kenapakah ini penting? Dengan mengetahui cara pemikiran dan tabiat pembelajaran kita misalnya, kita akan dapat memahami:

- a) Berapa cepat kita dapat memahami atau mempelajari sesuatu.
- b) Berapa kuat daya ingatan kita dalam mengingat apa yang kita pelajari.
- c) Berapa jauh kita akan mengkaji sesuatu fakta yang kita pelajari.

Dengan mengetahui perkara-perkara di atas, kita akan dapat mengenal pasti kelemahan diri kita dan dapat mencari jalan perbaikannya. Di dalam penganalisaan tulisan, cara kita berfikir dapat dilihat melalui huruf m dan n yang kita bentuk.

Pemikiran Kumulatif (*Cumulative Thinker*) Atau Pemikiran Tersusun (*Methodical Thinker*)

Company consultancies can be tightly or loosely tied to market and product units. This depends on their

Perhatikan huruf m dan n pada tulisan di atas. Adakah bonggol m dan n anda melengkung, lebar dan bulat di bahagian atasnya? Adakah m dan n anda dibentuk sebegini?

Sekiranya sama, cara pemikiran anda adalah pemikiran kumulatif atau pemikiran tersusun (*methodical thinker*).

Anda yang berfikiran kumulatif memahami sesuatu perkara itu satu persatu, berfikir mengikut urutan logik (anda perlu menerima sesuatu perkara dahulu barulah anda dapat memahami perkara seterusnya) dan anda memerlukan semua fakta sebelum membuat sesuatu keputusan.

Anda mempelajari sesuatu mengikut fakta yang diterangkan satu persatu dengan fakta pertama memberi kefahaman tentang fakta kedua dan begitulah seterusnya. Anda tidak akan dapat membuat rumusan atau memahami sesuatu perkara selagi anda tidak memahami semua fakta yang berkaitan.

...apabila anda telah memahami sesuatu perkara, anda akan mengingatnya untuk satu jangka masa yang lama...

Sebagai contoh, anda perlu memahami pelajaran dalam muka surat pertama sebelum anda dapat memahami muka surat kedua. Anda tidak akan memahami apa yang anda pelajari sekiranya terus melompat ke tengah-tengah buku.

Anda lebih mudah mempelajari sesuatu melalui demonstrasi daripada hanya dengan membaca sesuatu arahan. Anda akan dapat memahami dengan lebih baik dan cepat jika anda

dapat melakukan sendiri sesuatu perkara itu berbanding dengan hanya melihat orang lain melakukannya. Penerangan bergambar akan memberikan penerangan yang lebih jelas berbanding dengan penerangan menggunakan perkataan.

Semakin bulat dan lebar bonggol m dan n anda, semakin lambat anda memahami apa yang anda pelajari.


Jangan menjadi lemah semangat dan tergesa-gesa mengubah bentuk m dan n anda sekiranya bentuk m dan n anda seperti yang diterangkan di atas. Walaupun anda lambat untuk memahami sesuatu tetapi disebabkan anda memahami sesuatu perkara itu secara satu per satu, anda dapat membina sesuatu perkara yang baru atau memberi idea-idea baru berdasarkan apa yang telah anda fahami. Satu lagi kelebihan anda adalah apabila telah memahami sesuatu perkara, anda akan mengingatnya untuk satu jangka masa yang lama atau mungkin selama-lamanya. Daya ingatan anda adalah sangat baik dan ini adalah kerana anda memahami sesuatu perkara itu dengan terperinci.

**Jikalau tidak dapat dibaiki, jangan
dipecahkan -
Pekerjaan yang tidak dapat diselesaikan
jangan dikusutkan lagi.**

Peribahasa

Pemikiran Menyelidik (*Investigative Thinker*) Atau Pemikiran Menjelajah (*Exploratory Thinker*)

“Hanya ada dua cara untuk menjalani hidup ini. Yang pertama dengan menganggap tiada apa yang berlaku itu ajaib. Yang kedua dengan menganggap semua yang berlaku itu ajaib.”
Albert Einstein, March 14, 1879 – April 18, 1955



Contoh tulisan dan tandatangan Albert Einstein

Sekiranya anda menulis dengan bonggol m dan n yang tajam yang menembusi zon atas (sila rujuk **Panduan 1.5**), ini menunjukkan anda mempunyai pemikiran menyelidik atau pemikiran menjelajah.



Anda berfikir dengan lebih pantas berbanding dengan mereka yang berfikiran kumulatif. Anda selalu bertanya dan selalu ingin tahu dengan lebih mendalam tentang sesuatu perkara. Anda sendiri akan mencari, menyelidik

dan mendalami perkara-perkara yang baru dan tidak bergantung kepada penerangan-penerangan dan hasil penyelidikan orang lain. Semakin tajam bonggol m dan n, semakin kuat anda akan menyelidiki setiap sesuatu perkara yang ingin anda ketahui.

Anda adalah seorang yang aktif dan sentiasa bergerak dan berfikir. Anda adalah seorang yang *'always on the move'*.

Pemikiran Menyelidik Secara Luaran

Sekiranya anda menulis dengan bonggol m dan n yang tajam tetapi tidak menembusi zon atas maka anda adalah seorang yang berpemikiran menyelidik juga tetapi secara luaran sahaja. Contohnya seperti di bawah:



Contoh tulisan Jeffery Archer, novelis barat

Anda akan menyelidik sesuatu perkara hanya cukup untuk memenuhi perasaan ingin tahu anda sahaja dan tidak akan menyelidik secara lebih

mendalam. Anda boleh mengambil 10 idea dan menjadikannya satu idea yang boleh digunakan. Anda biasanya bergantung kepada hasil penyelidikan orang lain dan tidak mengambil masa untuk menyiasat sesuatu perkara itu sendiri.

Mungkin juga anda bertulisan demikian disebabkan anda tergolong di dalam golongan bos-bos contohnya pengurus atau eksekutif yang mempunyai orang bawahan yang akan melakukan penyelidikan untuk anda. Anda juga mungkin tidak menyelidik dan mencari sesuatu fakta itu sendiri kerana anda sentiasa sibuk dan tidak mempunyai waktu untuk melakukannya. Itulah sebabnya anda memerlukan bantuan orang lain untuk mengkaji fakta-fakta dan anda hanya akan membuat keputusan berdasarkan hasil kajian fakta-fakta tersebut.

Kebanyakan orang yang mempunyai tulisan seperti ini boleh dianggap genius, sungguh bijak atau sekurang-kurangnya pintar.

Semua orang faham bahawa seorang bos mestilah berfikiran tajam supaya anda dapat membuat sesuatu keputusan dengan cepat dan keputusan yang baik hanya akan dapat dicapai sekiranya anda mempunyai cukup data dan fakta untuk menyokong keputusan anda itu.

Itu sebabnya bos-bos seperti anda mempunyai pembantu untuk mengumpul dan menyelidik data untuk menyokong keputusan yang

anda akan buat yang boleh mendatangkan kebaikan untuk semua pihak.

Tetapi janganlah pula disebabkan anda mempunyai orang bawahan yang bekerja berhempas-pulas mengumpulkan data supaya anda boleh membuat keputusan terbaik, anda menggunakan kelebihan tersebut untuk kepentingan diri sendiri.

Ingatlah, jangan jadi seperti pepatah orang tua, “Lembu punya susu, sapi dapat nama!”

Pemikiran Secara Menyeluruh *(Comprehensive Thinker)*

Satu lagi cara pemikiran ialah pemikiran secara menyeluruh (*comprehensive thinker*). Sekiranya anda menulis dengan bonggol m dan n yang berpuncak tajam dan halus seperti jarum (*steeple shaped needle top*) maka anda mempunyai pemikiran secara menyeluruh seperti Donald Trump, jutawan hartanah yang terkenal.



Contoh tandatangan Donald Trump

Kebanyakan orang yang mempunyai tulisan seperti ini boleh dianggap genius, sungguh bijak atau sekurang-kurangnya pintar. Sekiranya anda

membentuk m dan n sebegini maka anda termasuklah dalam golongan tersebut.

Anda boleh melihat sesuatu keadaan secara menyeluruh, menganalisa dan membuat keputusan daripadanya. Kelajuan pemikiran anda adalah sangat pantas berbanding dengan cara-cara pemikiran yang telah saya terangkan sebelum ini. Anda boleh membuat sesuatu keputusan tanpa perlu mengambil masa yang panjang untuk berfikir dan anda boleh menganalisa fakta-fakta dengan cepat.

Anda tidak perlu belajar dengan kuat untuk mendapatkan markah yang baik. Anda mungkin antara pelajar yang bijak di dalam kelas. Oleh sebab itu, anda juga mungkin seorang pengacau di dalam kelas. Kenapa jadi begitu?

Sekiranya anda berfikiran secara menyeluruh, anda akan mudah berasa jengkel dengan mereka yang bercakap dengan lambat atau mereka yang berfikiran lambat. Anda mudah berasa bosan di dalam kelas kerana anda telah memahami apa yang guru ajarkan walaupun guru masih belum habis mengajarkannya. Ini adalah kerana anda telah dapat memahami perkara tersebut dengan cepat disebabkan anda berfikir secara pantas dan dapat menganalisa setiap perkara dengan mudah.

Contohnya, guru baru menerangkan bagaimana menyelesaikan masalah nombor satu, anda telah dapat menyelesaikan masalah nombor

sepuluh. Oleh itu, apabila anda telah dapat menyelesaikan semua masalah, anda akan berasa bosan dan mula membuat kacau untuk menghilangkan kebosanan anda.

Di sini saya perlu mengingatkan bahawa sekiranya anda tidak menggunakan kebolehan anugerah Allah ini sebaiknya, anda tidak akan berjaya di dalam hidup. Anda perlu bijak menggunakan anugerah ini, kerana ia bukan sahaja menjadikan anda seorang yang berjaya malah dapat membantu mereka yang di sekeliling anda untuk berjaya juga.

“Mereka yang bijak, bertanya apabila mereka tidak tahu dan kadang-kadang walaupun apabila mereka sudah tahu.”

Malcolm Forbes